

# **ETR 300**

## **RANCANGAN PERNIAGAAN DIPLOMA PERAKAUNAN (5G)**

**NORTHERN SEAWEED ENTERPRISE**

### **DISEDIAKAN OLEH:**

<b>AFIF B. SULAIMAN</b>	<b>96696556</b>
<b>ABD RAZAK B. ABD MALEK</b>	<b>96215626</b>
<b>MOHD AZIM B. MOHD YUSOFF</b>	<b>96229576</b>
<b>AZZIZUL B. ZAHARI</b>	<b>96908941</b>
<b>MOHD SALIZAM B. ALI</b>	<b>96202313</b>

### **DISEDIAKAN UNTUK: ENCIK MOHD ZAIN B IDRIS**

**26 SEPTEMBER 1998**

## PENGENALAN

Nama syarikat yang kami pilih untuk dijadikan nama bagi perniagaan kami ialah Northern Seaweed Enterprise, ini kerana kami merupakan pengusaha rumpai laut dan tempat kami melaksanakan projek ini di bahagian utara Semenanjung Malaysia.

Jenis perniagaan yang kami ceburi ialah ternakan rumpai laut. Kami juga merupakan suatu perbadanan yang membekalkan rumpai laut kepada industri-industri yang menggunakan rumpai laut didalam penghasilan barang mereka. Kawasan yang menjadi tumpuan untuk membekalkan rumpai ini ialah di Utara Semenanjung Malaysia.

Pada amnya, rumpai laut ini digunakan dalam pembuatan makanan seperti agar-agar, aiskrim, tekstil dan lain-lain. Pada mulanya kami menternak rumpai laut ini sehingga menjadi matang, kemudian rumpai laut ini akan dituai dan dijemur di atas tempat yang disediakan sehingga kering. Selepas kering dan menjadi barang separuh siap ianya terus dihantar ke kilang-kilang yang berurus dengan perniagaan kami di Utara Semenanjung Malaysia.

Insyaallah, setelah mengadakan ujian yang terperinci oleh pihak terlibat. Ini menunjukkan bahawa perniagaan ini akan berpotensi untuk berkembang pada tahun 2020. Ini kerana kami ingin memastikan semua kerja yang dijalankan dalam perancangan dan berjalan dengan lancar. Kami benar-benar menitikberatkan kepuasan pihak industri-industri yang berurus dengan kami kerana tanpa mereka siapalah kami,

Faktor yang membuatkan kami memilih perniagaan ini ialah kerana penternakan rumpai laut ialah sejenis perniagaan “pioneer” di negara kita dan jika kami dapat melaksanakan perniagaan ini kami akan dapat mengurangkan kos pengimportan negara dalam industri penukaran yang menggunakan rumpai laut.

## SINOPSIS

Penggunaan rumpai laut di dalam bidang makanan adalah merupakan suatu yang agak baru di negara kita kerana sebelum ini rumpai laut hanya terkenal sebagai bahan makanan di negara Asia Timur terutamanya seperti negara Jepun dan Korea Selatan.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa rumpai laut mempunyai khasiat makanan yang tinggi dan ia juga boleh digunakan sebagai penawar kepada penyakit seperti penyakit darah tinggi. Keadaan iklim Khatulistiwa di negara kita menyebabkan rumpai laut boleh diternak secara komersial.

Hakikat ini adalah faktor yang telah menyebabkan pihak kami berusaha untuk menternak rumpai laut untuk dipasarkan di pasaran kawasan Utara Semenanjung Malaysia. Rumpai laut yang diternak oleh kami ialah rumpai laut jenis merah (red seaweed) atau nama saintifiknya sebagai ‘*Gracelia Changii*’.

Walaupun rumpai laut ini dinamakan rumpai laut merah tetapi pada fizikalnya ia berwarna perang kehitaman. Bentuknya pula seperti ranting-ranting kayu tetapi lembut. Terdapat biji-biji spora pada rumpai laut betina.

Rumpai laut yang diternak oleh kami di kawasan kolam 20-25ppt, dasar kolam 2-4 kaki kerana rumpai laut ini tidak tahan dengan cahaya matahari yang kuat. Melalui ternakan rumpai laut ini, kami dapat lihat suatu peluang perniagaan yang cerah di dalam industri pemakanan di Malaysia memandangkan sebelum ini boleh dikatakan negara kita mengimport hampir 20 juta tan metrik setahun rumpai laut kering daripada negara luar seperti Jepun da Korea Selatan. Jika kami dapat menternak tumbuhan pasti kami dapat membantu megurangkan pengimportan barang dan mengaut banyak keuntungan.

## **ISI KANDUNGAN**

1. Surat Kebenaran	1
2. Surat Penyerahan	2
3. Penghargaan	4
4. Pengenalan	6
5. Sinopsis	8
6. Tujuan	
i. Tujuan Rancangan Perniagaan	9
5. Logo Syarikat	10
6. Interpretasi Syarikat Logo	10
7. Latar Belakang Syarikat	
i. Latar Belakang Syarikat	11
8. Latar Belakang Pekongsi	
i. Latar Belakang Rakan Kongsi/ Pemilik	13
9. Surat Ikatan Perkongsian	
i. Surat Perjanjian Perkongsian	18
a. Nama Perniagaan	19
b. Beroperasi	19
c. Modal	20
d. Pembahagian Keuntungan	20
e. Kewajipan Pekongsi	21
f. Pembubaran	21
g. Perubahan	21
h. Peruntukan Akta Perkongsian	21
10. Latar Belakang Projek	
i. Latar Belakang Projek	23
a. Pelan Lakaran Kedudukan Kolam	25
b. Pelan Lakar Peralatan	26
c. Gambaran Sebuah Kolam	27
d. Pelan Tempat Menjemur	28
e. Pelan Lakar Setor	29
11. Pelan Lokasi	30

<b>12. Rancangan Pentadbiran</b>	
i. <b>Rancangan Organisasi</b>	
a. Matlamat Dan Strategi Organisasi	32
b. Garis Panduan Mencapai Matlamat Organisasi	33
c. Carta Matlamat Stretegi Organisasi	35
d. Struktur Organisasi	37
e. Carta organisasi	38
f. Senarai Kakitangan Pengurusan	39
g. Imbuhan Balas Jasa Dan Intensif Pekerja	44
h. Jadual Perbelanjaan Pentadbiran	47
i. Pelan Pejabat	
<b>13. Rancangan Pemasaran</b>	
i. Pengenalan	50
ii. Produk Yang Ditawarkan	50
iii. Sasaran Pasaran	51
iv. Bentuk/ Saiz Pasaran	52
v. Pesaing	
a. Pesaing Sebelum Kemasukan Syarikat Kami	54
b. Pesaing Selepas Kemasukan Syarikat Kami	55
c. Kekuatan Dan Kelemahan Pesaing	56
d. Kekuatan Dan Kelemahan NSE	57
e. Ciri-Ciri Kelebihan Yang Ditawarkan	58
vi. Ramalan Jualan	59
vii. Strategi Pemasaran Secara Keseluruhan	61
viii. Belanja Pemasaran	64
<b>14. Rancangan Operasi</b>	
i. Pengenalan	65
ii. Operasi Perlaksanaan Projek	66
iii. Aktiviti Operasi Ternakan Rumpai Laut	68
iv. Carta Aliran Proses Operasi	70
v. Jadual Tenaga Kerja	73
vi. Jadual Pembayaran Gaji	74
vii. Jadual Pembayaran Kakitangan Sokongan	75
viii. Analisa Ekonomi	76
ix. Perbelanjaan Operasi	77